

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Pada mesyuarat yang telah diadakan sebelah pagi tadi, kita telah membahaskan Belanjawan Kementerian Pendidikan. Seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah ikut serta dan tampil dalam menyampaikan soalan-soalan atau pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan dengan Belanjawan Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun saya masih lagi mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam perbahasan dan

perbincangan bagi Belanjawan Kementerian Pendidikan ini.

Saya difahamkan bahawa pada ketika ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin memberikan reaksinya pada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik terdahulu, maka dengan itu saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjawab soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada pagi tadi, satu persatu dan mudah-mudahan jawapan yang akan diberikan itu tepat dengan soalan yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Soalan yang pertama yang kaola ingin merespons ialah soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai status dasar pemedulian kanak-kanak dan pencapaian kanak-kanak atau pelajar-pelajar di sekolah yang lemah mengikut laporan itu. Maka mengenai status dasar pemedulian kanak-kanak, satu kertas laporan terkini iaitu hala tuju perancangan pelaburan dalam pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak untuk mengembangluaskan menjadikan kepada kanak-kanak berumur 3-4 tahun telah pun disediakan. Ia merangkumi 6 komponen iaitu definisi, kurikulum, latihan dan

kelayakan pelajar, pengasuh dan pembantu, pelesenan, infrastruktur dan sistem pemantauan dan pihak-pihak bertanggungjawab dalam perkara ini.

Beberapa implikasi dan impak telah dikaji dan memandangkan kualiti implementasi masih prioriti utama, maka Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengukuhkan dahulu pembelajaran dan pelajaran kanak-kanak yang berumur 5-6 tahun ke atas mengikut Akta Perintah Pendidikan Wajib iaitu 9 tahun pendidikan wajib bermula tahun pertama.

Seperti Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kongsikan, memang disedari bahawa pencapaian pelajar di peringkat menengah sangat dipengaruhi oleh prestasi mereka semasa di peringkat rendah. Oleh yang demikian, satu *standard literacy* dan *numeracy* telah disediakan pada penghujung tahun 2015 dan mula diberikan kepada sekolah-sekolah. *Expected competency* atau tahap kompetensi telah disediakan bagi setiap tahun pembelajaran. Untuk itu pelajar akan dinilai berdasarkan tahap kompetensi ini. *Tool* atau pun dokumen penilaian sudah pun disediakan dan akan diberikan kepada semua pelajar seawal tahun satu bermula tahun ini.

Selanjutnya bagi pelajar-pelajar yang belum mencapai tahap kompetensi tersebut mereka akan terus diserapkan ke dalam program intervensi. Ini adalah bagi memastikan pelajar-pelajar akan mempunyai tahap kompetensi yang

minimum bagi setiap peringkat dan seterusnya mempunyai bakal ilmu yang cukup untuk di peringkat menengah.

Isu seterusnya yang ditimbulkan ialah tentang kesihatan kanak-kanak. Bagi memastikan kesihatan para pelajar, mata pelajaran *physical education* memang ada dalam kurikulum antara 2 atau 3 period seminggu. Jabatan Kokurikulum juga ada menyediakan *tournament* dalam pelbagai bidang sukan bagi mengenal pasti pelajar yang berpotensi serta memberikan mereka peluang untuk *unfolding potential* masing-masing. Bagi membolehkan pelajar-pelajar ini aktif, pemakanan yang seimbang dan cukup juga sangat penting.

Oleh yang demikian, pada tahun 2015 sekolah-sekolah rendah telah memulakan satu inisiatif bagi menyediakan sarapan pagi bagi pelajar-pelajar di tahun enam. Projek ini alhamdulillah menyediakan sarapan bagi pelajar-pelajar tahun enam dan mendapat sambutan daripada ibubapa dan juga sebilangan komuniti kampung. Memberikan kesihatan kepada kanak-kanak merupakan tanggungjawab bersama.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar pelajar-pelajar diberikan sarapan sebelum mereka bersekolah dan jika mereka tidak bersarapan pihak sekolah lazimnya akan juga memberikan sarapan apabila mereka tiba di sekolah. Ini bagi membantu mereka supaya tidak berasa lapar semasa mengikuti pelajaran mereka.

Yang Berhormat Pengerusi. Memanglah kelemahan-kelemahan di tahap pendidikan kanak-kanak itu disedari dan usaha-usaha untuk mengatasinya telah pun diambil tetapi walau macam manapun, usaha-usaha ini bukanlah dapat kita lihat dalam sekelip mata. Insya-Allah dengan usaha yang berterusan kita akan dapat memperbaiki tahap pendidikan kanak-kanak kitani sama ada di sekolah rendah maupun di sekolah menengah insya-Allah.

Seterusnya, kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai Negara Brunei Darussalam dijadikan ASEAN Education Hub. Sememangnya Negara Brunei Darussalam mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai sebuah hub pendidikan di rantau ini.

Kelebihan yang kita miliki, seperti suasana politik yang stabil, alam sekitar yang bersih dan kehidupan yang harmoni dan aman damai boleh menjadikan negara kita kondusif dijadikan sebagai sebuah destinasi pendidikan dan *hub* pendidikan.

Selain kelebihan di atas, negara kita juga memiliki kekuatan dan beberapa *niched areas*, yang boleh ditonjolkan sebagai penarik kepada institusi-institusi luar untuk bertapak di negara ini dan pelajar-pelajar luar untuk belajar di institusi tempatan. Kementerian Pendidikan sentiasa menyambut baik mana-mana cadangan dari institusi luar untuk menujuhkan kampus mereka

di negara ini. Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan melalui institusi pengajian tingginya juga menggunakan pendekatan lain untuk mengadakan kolaborasi dengan universiti-universiti luar termasuk yang bertaraf global dari seluruh pelosok dunia termasuk Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat untuk memberi peluang pelajar dan tenaga akademik di IPT tempatan bekerjasama dan bersaing dengan rakan-rakan mereka di luar negara.

Kolaborasi ini termasuk pertukaran pelajar dan tenaga akademik *joint degree* (ijazah bersama), program pendidikan bersama (*joint research*), persidangan bersama (*joint conferences*) dan sebagainya.

Contohnya, sebagai sebuah negara Islam yang memelihara kedaulatan dan keutuhan amalan beragama, dengan menjadikan agama Islam sebagai agama Rasmi negara berpandukan kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bidang pengajian Islam dan yang berkaitan dengannya seperti bidang kewangan dan perbankan Islam, industri halal dan perundangan syariah boleh menarik minat pelajar dan cendiakawan dari luar untuk belajar dan membuat kajian dalam bidang-bidang ini. UNISSA kini dikenali sebagai sebuah institusi Islam tulen yang bekaliber dalam kalangan institusi luar negara seperti dari Singapura, Oman dan sebagainya.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai *hub*

pendidikan terutamanya di peringkat pengajian tinggi selaras dengan Perancangan Strategik Pengajian Tinggi 2020 iaitu menjadikan pengajian tinggi Brunei Darussalam sebagai *hub* pembelajaran, penyelidikan, penginovasian dan perusahaan melalui pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang berkualiti tinggi yang akan memberikan *vital-impact* kepada keperluan negara serantau dan global, serta memastikan kita wujud di arena antarabangsa dengan kukuhnya. Dengan ini juga, kita akan memberikan penekanan kepada usaha-usaha strategik yang mempunyai matlamat berikut:-

1. Memastikan persekitaran pembelajaran yang berkualiti tinggi dan canggih di kesemua IPT (Institut Pengajian Tinggi) dan penubuhan *centre of excellent* sama ada pusat penyelidikan mahu pun pengajian;
2. Memastikan melahirkan akademik yang berkualiti tinggi, dengan penyelidikan yang inovatif dan komersial yang mampu menjana perkembangan dan kepelbagaian ekonomi negara;
3. Memastikan kepimpinan *transformative*, membina kecekapan dalam urus tadbir dan pembiayaan mapan dan pengurusan sumber yang efektif; dan
4. Memastikan kita mempunyai satu Rangka Kerja Kualiti Kebangsaan (*National Quality Assurance Framework*) yang akan dapat memberikan pengesahan dan akreditasi luar dan dalam negara.

Mengenai dengan Soalan Kedua daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai dengan *MOU* dengan universiti-universiti terkemuka.

Mengenai cadangan Kementerian Pendidikan mengadakan *MoU* dengan universiti-universiti terkemuka luar negeri, alhamdulillah, setakat ini institusi pengajian tinggi telah menandatangani sebanyak 178 *MoU* dengan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia termasuklah dari negara-negara yang mempunyai sistem pengajian tinggi yang bertaraf global, umpamanya dengan *National University of Singapore (NUS)*, *Australia National University*, *Ji Xiang University of China*, *Al-Azhar University Mesir*, *Kyoto University* di *Japan*, *Yon Sei University*, *Republic of Korea* dan *Hongkong University of Science and Technology*, *Groningen University Netherland*, *Kings College* dan *University of California* dan banyak lagi universiti-universiti terkemuka dunia.

Kementerian Pendidikan akan terus menggalakkan universiti-universiti tempatan untuk membuat kolaborasi dalam pembelajaran dan penyelidikan. Dan mana-mana universiti yang dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kualiti sistem pengajian tinggi kita. Kolaborasi ini juga memberikan peluang mobiliti bagi pelajar, tenaga pengajar dan penyelidik institusi pengajian tinggi untuk meluaskan pengalaman mereka

dan seterusnya memberikan impak terhadap prestasi dan potensi kerjaya mereka.

Walau macamanapun, hingga setakat ini belum terdapat perancangan untuk mengadakan *MoU* dengan universiti terkemuka luar negeri untuk menubuhkan kampus mereka di Negara Brunei Darussalam, sebagaimana saranan Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan akan mempertimbangkan perkara ini jika ada keperluannya nanti.

Izinkan kaola juga Yang Berhormat Pengerusi meneruskan untuk menjawab soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai *Industry Competency Framework* ini. Sebenarnya *Industry Competency Framework (ICF)* adalah usaha sama dan kolaborasi antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri dan syarikat-syarikat dari Industri Minyak dan Gas. Salah satu amalan terbaik (*best practices*) dari *Programme ICF* tersebut adalah memberi *Conditional Offer of Employment (COE)* kepada pelajar-pelajar sebelum mereka menamatkan program mereka.

Menurut data Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri, statistik pelajar-pelajar *EICF (Energy Industry Competency Framework)* yang mendaftar dan telah mendapat pekerjaan tawaran kerja bersyarat (*conditional offer of employment*)

sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:-

1. Jumlah keseluruhan pelajaran *EICF* sejak Julai 2013 ialah 2,229 orang;
2. Jumlah pelajar *EICF* yang masih menjalani latihan ialah seramai 1,067 pelajar;
3. Jumlah pelajar *EICF* yang sudah mendapat pekerjaan kini seramai 652 pelajar; dan
4. Jumlah pelajar *EICF* yang mendapat tawaran kerja bersyarat (*conditional offer of employment*) ialah sebanyak 519.

Pihak Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan melalui Institut Pendidikan Teknikal Brunei pada masa ini masih dalam proses melaratkan *Programme Industry Competency Framework (EICF)* kepada sektor-sektor industri yang lain seperti industri pembinaan, *ICT*, pelancongan dan sebagainya.

Mengenai cadangan program *ICF* untuk membolehkan lepasan pelajar-pelajar untuk mendapatkan peluang pekerjaan di luar negara, untuk makluman program-progam *ICF* berasaskan *International Accreditation* iaitu untuk memberikan kelulusan yang relevan dengan keperluan industri.

Pihak Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan melalui Institut

Pendidikan Teknikal Brunei berserta dengan pihak-pihak yang berkenaan akan sentiasa memantau dan memastikan program-program *ICF* memenuhi piawaian industri dan benar-benar relevan dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri dengan menyelaraskan piawaian-piawaian antarabangsa.

Pada masa ini, *IBTE* sedang dalam pelaksanaan untuk mendapatkan pengiktirafan *ISO 9001, 2008 EASA 147*. *IBTE* melalui *IBT Campus Vocasional Sultan Bolkiah* baru sahaja diiktiraf sebagai Pusat Latihan *TWI* pada bulan Januari 2016.

Kaola ingin beralih kepada soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan tersebut. Soalannya ialah mengenai mata pelajaran MIB. Mengapa mata pelajaran MIB tidak ada peperiksaannya di peringkat 'O' dan 'A'.

Sebagai penjelasan, buat pada masa ini belum ada rancangan untuk dibuat peperiksaan di peringkat 'O' dan 'A'. Pada masa ini penilaian kendalian sekolah sahaja dijalankan kerana ia menekankan kepada aspek penghayatan amalan harian falsafah Melayu Islam Beraja. Kementerian Pendidikan telah menujuhkan Jawatankuasa *Task Force Keberkesanan Penghayatan MIB* bagi peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk memastikan penghayatan MIB ini terlaksana secara keseluruhannya.

Mengenai buku teks. Sejak Pelaksanaan SPN 21 pada tahun 2009, Yang Berhormat tadi bertanyakan mengapa ada sebahagian daripada buku teks yang kita keluarkan tidak dipakai kemudiannya seperti buku teks yang dihasilkan dengan kerjasama pakar dari luar.

Untuk menjawabnya, sebenarnya sejak Perlaksanaan SPN 21 pada tahun 2009, Jabatan Perkembangan Kurikulum tidak pernah menggunakan pakar luar bagi penghasilan buku teks percubaan untuk digunakan untuk satu atau dua tahun. Jangka penggunaan buku teks sebelum direviu semula mestilah melalui tempoh sekurang-kurangnya lima tahun penggunaannya.

Beberapa aspek yang diambil kira seperti:-

1. Perubahan dasar;
2. Kaedah-kaedah baharu iaitu *Best Practices*;
3. Pendekatan pedagogi dan maklumat-maklumat; dan
4. Trend terkini bagi memastikan buku itu terus relevan mencapai efektif dan *up-to-date*. Walau bagaimanapun, buku-buku teks yang terdahulu masih boleh digunakan sebagai buku sumber dan rujukan guru-guru dan para pelajar.

Yang Berhormat Pengurus. Seterusnya kaola ingin menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan kaola

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan itu, mengenai IPTA. Sebenarnya Kementerian Pendidikan sejak tahun lepas memastikan bagi setiap IPTA membuat kaji selidik dan pengumpulan data pekerjaan bagi graduan-graduan pengajian tinggi melalui pejabat alumni dan kerjaya di IPTA masing-masing. Inisiatif *database* alumni ini adalah untuk mendapatkan data mutakhir mengenai alumni-alumni IPT dengan hasrat berikut:-

1. Untuk membantu mengembangkan kerjaya mereka;
2. Untuk membantu dalam pencarian pekerjaan; dan
3. Membawa alumni berjaya sebagai pendukung perkembangan IPT.

Antara misi pengajian tinggi adalah memastikan institut pengajian tinggi menghasilkan graduan yang lengkap dengan memiliki tanggungjawab ekonomi dan sosial kebolehpasaran (*marketability*) serta mempunyai nilai MIB yang kukuh. Mereka ini juga harus mempunyai nilai-nilai global keusahawanan dan peka terhadap keadaan sekeliling mereka.

Dalam pada itu, Kementerian ini menggalakkan institusi pengajian tinggi untuk menilai semula inititi pati pembelajaran dan suasana pengajaran di IPT dengan kerjasama *stakeholders* dan industri dalam pelbagai usaha seperti mereviu kurikulum dalam memastikan program-program yang

dijalankan adalah sesuai, relevan dan responsif kepada kehendak industri. Contohnya UBD dengan mereviu atau *review curriculum*. IPT juga mendapat dukungan padu daripada pihak industri dalam memberikan kesempatan perkembangan pelajar melalui inisiatif intensif sebelum tempat pengajian contohnya program 3 tahun program *discovery year* dan *experience plus* dan *industrial placement* dengan para pelajar diberikan pendedahan kepada realiti pekerjaan dan juga mengasah kemahiran mereka.

Program-program ini juga dapat memberikan pelajar satu pengalaman berinteraksi dengan masyarakat di luar kampus mereka. Inisiatif ini adalah dalam usaha mempersedia graduan agar mereka akan boleh proaktif, cekap dan efektif sesuai dengan kehendak bakal majikan mereka nanti.

Selain itu, institut pengajian tinggi juga dikerahkan untuk menyediakan program-program perkembangan alumni selepas tamat pengajian. Antaranya adalah usaha sama bersama bakal majikan dalam mengendalikan program-program yang dapat mempersediakan graduan agar mereka lebih konfiden menghadapi temu duga ujian dan pengambilan dan kerja seperti bengkel penulisan *cv*, bengkel temu duga program perkembangan graduan.

Kaola seterusnya beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat.

Mengenai perancangan untuk membina sekolah di kawasan-kawasan perumahan seperti di Mengkubau, Meragang, Lugu dan sebagainya, yang sebenarnya, perkara ini memang ada dalam perancangan kita untuk membangun sekolah-sekolah di kawasan-kawasan perumahan yang dikira tadahannya mencukupi untuk sesebuah sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah dibangunkan dan seperti biasa di kawasan-kawasan tersebut memang ada disediakan tapak-tapak untuk membina bangunan-bangunan sekolah.

Walau bagaimanapun, kadangkalanya terdapat tidak ada keperluan untuk membina sekolah baharu jika kawasan-kawasan tersebut masih terdapat sekolah-sekolah yang *under capacity* yang boleh menampung pelajar-pelajar atau kanak-kanak daripada kawasan perumahan ini. Walaupun memang ada rancangan, memang ada tapak dan sebagainya tetapi jika masih dilihat belum diperlukan ataupun tidak ada keperluan yang terdesak maka perkara itu ditangguhkan buat sementara waktu.

Masa ini kita mereviu aset-aset kitani dalam sekolah-sekolah sama ada mencukupi ataupun tidak dan kita dapati bahawa beberapa sekolah yang kita rancangkan mungkin kita akan kekurangan pelajar-pelajar. Perkara itu dikaji semula dan mana-mana kawasan yang dirasa tidak perlu untuk kitani membina sekolah, maka kita akan menangguhnya buat sementara waktu.

Yang Berhormat Pengerusi. Tadi juga ada soalan mengenai kajian keberkesanan Skim Miftahun Najaah (kajian 2014) yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Dapatkan daripada hasil kajian itu menunjukkan bahawa kesan dan impak positif daripada pelaksanaan Skim Miftahun Najaah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan sejak 2011 hingga kini di sekolah-sekolah negara, ada kesan dan impak yang positif. Skim ini nampaknya berupaya meringankan bebanan ibu bapa, penjaga yang menghadapi berbagai-bagai masalah sama ada dari segi kewangan, tempat tinggal, pengangkutan, masalah keluarga dan seumpamanya.

Jenis-jenis bantuan yang diberikan melalui skim ini secara langsung telah mempengaruhi perkembangan positif dari aspek perkembangan yakin diri, personaliti, sikap dan tingkah laku pelajar dalam bidang akademik, psikologi, emosi dan seumpamanya agar menjadi mereka lebih berprestasi dan cemerlang. Hasil kajian juga membuktikan bahawa skim ini berjaya membantu para pelajar menjalani persekolahan dengan selesa serta berupaya meningkatkan minat pelajar di sekolah.

Walau bagaimanapun, pada peringkat pemberian dan penggunaan jenis-jenis bantuan haruslah diberikan tumpuan agar menghasilkan impak yang lebih baik dari semasa ke semasa. Justeru itu, dengan penambahbaikan jenis-jenis bantuan yang bersesuaian, program-

program akademik dan bukan akademik bagi ibu bapa, penjaga dan juga pelajar-pelajar hendaklah dirancang dan dilaksanakan. Inilah yang masa ini yang kita reviu untuk mendatangkan hasil yang lebih baik lagi dengan adanya Skim Miftahun Najaah ini.

Apa yang kita harapkan ialah dengan adanya Skim Miftahun Najaah ini akan membantu pelajar-pelajar memerlukan bantuan. Hasil-hasilnya adalah dari segi kehadiran mereka ke sekolah, pencapaian akademik mereka ke sekolah dan sikap mereka terhadap pembelajaran dan sebagainya itu akan bertambah baik. Alhamdulillah, dari kajian yang dibuat nampaknya mereka ini telah menunjukkan impak-impak yang positif. Di sinilah kekuatan atau faedahnya Skim Miftahun Najaah ini bagi membantu keluarga-keluarga atau pelajar-pelajar yang kurang mampu.

Ada satu lagi jawapan kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang mewakili daerah Temburong, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Soalan Yang Berhormat mengenai saranan supaya dikecualikan dari pembayaran bagi Penduduk-Penduduk Tetap dalam kalangan keluarga yang kurang kemampuan yang mencapai keputusan ‘O’ level yang baik tetapi sukar untuk melanjutkan pelajaran.

Sebenarnya di bawah Skim Miftahun Najaah, ada disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi memberikan bantuan kepada pelajar dari keluarga kurang berkemampuan atau keluarga yang susah yang meliputi berbagai-bagai demensi dan takrif yang merujuk kepada latar belakang keluarga pelajar tersebut. Pelajar yang berkelayakan adalah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap pemegang kad pintar warna Unggu. Antara jenis bantuan ialah pengecualian membayar yuran sekolah. Ini bererti pelajar dari kalangan Penduduk Tetap yang kurang berkemampuan dan cemerlang dalam pembelajaran bolehlah memohon untuk mengikuti skim ini dan mereka akan dikecualikan daripada membayar yuran sekolah.

Satu lagi skim bagi membantu pelajar-pelajar dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan juga ada disediakan. Skim ini adalah Skim *BIBD* Alaf. Syarat untuk mengikuti skim ini adalah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap, cemerlang dalam pembelajaran dengan minimum pencapaian akademik 75% ke atas, peratus kedatangan 90% ke atas, dan pendapatan terkumpul keluarga tidak melebihi daripada B\$500.00. Skim ini dibukakan kepada pelajar dari pelajar-pelajar Tahun 3 hingga ke Universiti.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar yang pada masa ini masih menggunakan *portable cabin*. Sebenarnya perancangan bagi projek pembangunan sekolah bermula dengan pelantikan konsultan-konsultan telah pun siap pada 4 April 2014. Bermula dari sini, pihak konsultan telah membuat dan membentangkan konsep-konsep reka bentuk bangunan kepada Kementerian Pendidikan dan masa ini masih dalam perundingan dengan pihak Kementerian Pembangunan.

Insya-Allah projek ini akan dilaksanakan dengan segera. Walau macam manapun, pihak abis kaola akan mengambil maklum akan keresahan pelajar-pelajar dan guru-guru di sekolah tersebut mengenai keadaan sekolah yang berbentuk sementara. Walau macam mana pun, buat pengetahuan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, bahawa isu keselesaan bilik-bilik darjah memanglah satu perkara yang diambil berat oleh pihak sekolah.

Walaupun mereka ditempatkan di bangunan sementara dan *portable cabin* yang digunakan oleh pihak sekolah pada masa ini saiznya, kalau mengikut *average class room* adalah lebih besar dan lebih selesa. *Portable cabin* ini juga dibekalkan dengan *air condition*, berlainan dengan sekolah-sekolah yang tiada *air condition*, *portable cabin* ini ada *air condition*.

Dari segi keselesaan nampaknya, keselesaan penuntut itu tidaklah kita abaikan. Ini dapat kita lihat bahawa Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar dalam peperiksaan *GCE 'O' level* yang lepas telah berjaya menaikkan prestasi mereka, kalau tahun sebelumnya 2014, sekolah berkenaan hanya mendapat 14.5% sahaja daripada penuntutnya yang mendapat 5 *GCE 'O' level* tetapi pada tahun 2015, nampaknya meningkat kepada 25.79% yang mendapat 5 *GCE 'O' level*. Ini bermakna azam mereka untuk belajar itu lebih baik walaupun dalam keadaan sekolah yang *temporary*.

Insya-Allah, perkara ini kita akan tunduki bersama-sama dan insya-Allah, sebagaimana telah pun kita janjikan dengan pihak sekolah, kita akan dapat membangun secepat yang mungkin untuk membina bangunan kekal bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar pada masa yang terdekat ini.

Seterusnya ada pertanyaan mengenai cadangan supaya Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan untuk mengambil khidmat Pembantu Guru di peringkat prasekolah.

Mengikut data 2015, seramai 3,046 kanak-kanak mengikuti pembelajaran prasekolah di sekolah-sekolah kerajaan. Sukacita kaola kongsikan seramai 2,095 orang mereka di Daerah Brunei Muara, 417 orang di Daerah Tutong, 4,007 orang di Daerah Belait dan 127 orang di Daerah Temburong. Seramai 230 orang guru-guru prasekolah juga telah

ditempatkan untuk mengajar kanak-kanak ini.

Nisbah guru dan kanak-kanak adalah 1:13. Nisbah guru pra dan kanak-kanak pra adalah 1:10 dan ini bagi Daerah Temburong. Maka pihak kementerian sebenarnya memang sentiasa peka akan keperluan bagi penambahan guru bagi situasi-situasi tersebut. Sebagai misalannya 13 orang guru sandaran telah diambil bagi membantu guru-guru di Daerah Temburong.

Walaupun guru sandaran ini tidak diperbantukan untuk mengajar sepenuh masa kelas pra tapi sedikit sebanyak ia membantu meringankan beban mengajar para guru.

Selain itu, pada Januari 2013, buat kali pertamanya Kementerian Pendidikan telah mengadakan program penempatan pelajar-pelajar lepasan pendidikan peringkat lanjutan *GCE 'A' level* dan *GCE 'O' level* yang menunggu keputusan peperiksaan mereka sebagai pembantu guru. Ini telah kita aturkan di beberapa buah prasekolah di seluruh negara termasuk juga di Daerah Temburong.

Mengenai isu kekurangan guru sekolah rendah dan menengah di Daerah Temburong. Lebih dahulu ingin kaola mengongsikan bahawa pada tahun 2015, seramai 942 orang penuntut dan 129 orang guru telah didaftarkan belajar dan mengajar di sekolah rendah di Daerah Temburong. Ini menjadikan nisbah guru kepada pelajar adalah 1:8, seorang guru kepada 8 orang pelajar.

Bagi peringkat menengah pula, seramai 849 orang pelajar dan 95 orang guru telah didaftarkan dan nisbahnya adalah seorang guru kepada 9 orang pelajar, ertinya masih di peringkat yang rendah. Pada masa yang sama, seramai 4 orang guru *CFBT* telah ditempatkan di Daerah Temburong.

Maka dengan mengoptimalkan tenaga pengajar yang ada, pihak jabatan sekolah telah membuat penyelarasan waktu mengajar bagi menampung kekurangan tenaga pelajar bagi setiap sekolah di seluruh daerah. Penempatan semula guru-guru di sekolah menengah dan rendah telah dan sedang dilaksanakan bagi memenuhi kekurangan di sekolah-sekolah yang memerlukan khidmat mereka mengikut keperluan. Bagi Daerah Temburong tidaklah nampak kekurangan guru itu dan jika pun ada perkara itu akan kitani sama-sama atasi, insya-Allah.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ialah mengenai atau cadangan supaya kursus-kursus Diploma Pendidikan dapat dibukakan semula untuk menampung kekurangan guru pada masa akan datang supaya kursus tersebut diadakan di *SHBIE*, UBD.

Sukacita kaola memaklumkan bahawa pengambilan bakal-bakal guru melalui program *M-Teach* meningkat dari tahun 2009. Pengambilan Januari 2016, sejumlah 114 yang telah diterima masuk program *M-Tech* dan insya-Allah akan

dapat menampung kekurangan guru di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Kerjasama erat antara *SHBIE* dan Kementerian Pendidikan dari segi perancangan tenaga kerja seperti jumlah guru yang diperlukan mengikut bidang-bidang keperluan memang sentiasa ada. Kementerian Pendidikan akan mengambil maklum tentang pelaksanaan pendidikan berkualiti untuk memastikan anak-anak kita mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan sama ada kita akan mengadakan *Diploma Education* (*Diploma Pendidikan*) di *SHBIE* bagi guru-guru yang lepasan 'O'level dan sebagainya.

Sebenarnya kita sudah beralih kepada *M-Teach*, di mana kita mengutamakan *content*. Kita mahu guru-guru kita ataupun pelajar-pelajar ataupun graduan-graduan kitani yang mengambil jurusan guru itu mempunyai ijazah sekurang-kurangnya pada masa akan datang, bukan lagi 'O'level dan sebagainya. Sama ada kita akan berbalik pula kepada *Diploma Pendidikan*, itu satu perkara yang belum kita lihat.

Insya-Allah kalau ada keperluan mungkin dapat kitani kaji semula tapi buat sementara waktu ini Yang Berhormat Pengerusi, kita rasa dasar yang berjalan sekarang bolehlah kitakekalkan dengan mengadakan *M-Teach*. Jika pun ada terdapat kekurangan dan *M-Teach* sekiranya jika ianya tidak melengkapi persediaan seseorang itu untuk menjadi guru oleh itu akan dilihat dan jika perlu program-program

di bawah *M-Teach* itu akan disesuaikan supaya akan lebih lengkap untuk persediaan seseorang itu menjadi guru.

Sekian dahulu Yang Berhormat Pengerusi jawapan-jawapan kaola yang begitu panjang kepada semua soalan yang dikemukakan oleh 8 orang Ahli Yang Berhormat tadi dan insya-Allah jika ada jawapan-jawapan yang kurang dijawab insya-Allah dalam peluang yang lain kita akan menjawab lagi sekali. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang kita sambung semula dengan perbincangan-perbincangan seterusnya dan saya masih ada dalam senarai saya beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk menyertainya. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamuala Manit Taba'al Huda.

Soalan saya berkaitan dengan keputusan peperiksaan Peringkat 'O'. Dalam analisis keputusan peperiksaan Peringkat 'O' bagi tahun 2015 terdapat calon atau pelajar yang mendapat kosong 'O' level dan jumlahnya juga agak ramai dan keadaan ini amat membimbangkan jika ia berlanjutan kerana ia akan menjadi hambatan


ataupun cabaran untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dan juga hambatan kepada sasaran pencapaian akademik 60 peratus pelajar yang memperolehi sekurang-kurangnya 5 kredit di Peringkat 'O' dan ke atas menjelang tahun 2017. Sebagaimana yang dinyatakan semasa pembentangan Rang Undang-Undang 2016 oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan juga kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam taklimat peruntukan kewangan pagi tadi.

Antara faktor kejayaan pelajar dalam peperiksaan bersijil adalah kerana kesungguhan pelajar belajar di sekolah atau mengikuti kelas-kelas tuisyen sebagai tambahan bagi yang berkemampuan dan ada juga inisiatif guru-guru yang mengajar sehingga memberi kelas-kelas tambahan di luar waktu sekolah.

Soalan saya, adakah pihak Kementerian Pendidikan telah membuat kajian seperti mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar yang lulus dalam peperiksaan Peringkat 'O', dengan memfokuskan skop kajian kepada para pelajar sendiri sebagai *respondence* pengajian dan dibantu dengan skop-skop kajian lain yang boleh mendukung hasil kajian kerana kajian seperti ini amat mustahak diadakan untuk dijadikan sebagai salah satu panduan atau sukat-sukat dalam menilai dan membuat pembaikan terhadap kualiti pendidikan yang merujuk kepada kejayaan sesebuah sekolah dalam

mewujudkan persekitaran pendidikan yang membolehkan pelajar mencapai matlamat pembelajaran mereka. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola menyampaikan ucapan penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Kaola akan membawa usul mengenai sasaran kerangka kerja Wawasan Brunei 2035 iaitu pendidikan yang memenuhi keperluan ekonomi, iaitu mengenai usahawan pelajar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ekspo Pembangunan dan Keusahawanan Pelajar (*Student Entreprenuership Development Expo*) (*SEDEX*) telah mula dilancarkan pada tahun 2012. Lanjutan daripada ekspo ini, maka wujudnya ekspo seterusnya diadakan setiap tahun di gedung-gedung perniagaan. Ekspo ini mempamerkan hasil tangan pelajar dengan berbagai-bagai jenis mengikut kredibiliti masing-masing seperti seni lukis, anyaman, gubahan, jahitan, makanan, minuman dan lain-lain.

Melihat kepada sambutan orang ramai, kali ekspo ini diadakan maka produk-produk ini perlu diambil perhatian sepenuhnya oleh guru-guru untuk dipertingkatkan lagi mutunya agar boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara. Sebagai galakan dan motivasi, pelajar berkenaan diajar cara membuat Penyata Kewangan masing-masing atau kumpulan bagi melihat keuntungan.

Dari penyata tersebut guru besar atau guru-guru yang diamanahkan sebagai Bendahari membuat Kunci Kira-Kira Kewangan Tahunan sekolah berkenaan untuk dihantar ke jabatan berkenaan di Kementerian Pendidikan dan untuk pengetahuan ibu bapa atau penjaga pelajar yang turut serta mengeluarkan modal. Sekolah yang mempunyai keuntungan yang terbesar pula dicadangkan supaya diberi Anugerah Pembagunan Keusahawanan Pelajar Sekolah.

Sehubungan dengan itu, soalan kaola, adakah Penyata Kewangan dan Kunci Kira-Kira Tahunan pembangunan keusahawanan pelajar ini telah dilaksanakan di setiap sekolah yang mengikuti ekspo tersebut? Jika ada, berapakan jumlah kumpulan hasil jualan tersebut pada kesemua sekolah?. Sekolah manakah yang paling tinggi dari segi pendapatan mengikut kategori masing-masing iaitu sekolah rendah dan menengah secara berasingan?.

Seterusnya memandangkan dalam pameran tersebut tidak ada jualan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan hasil pertukangan kayu,

adakah perancangan untuk mengadakan kembali aktiviti pertanian dan pertukangan ini di sekolah-sekolah rendah dan menengah?

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi merealisasikan sistem pendidikan kelas pertama dan peluang pendidikan yang saksama sepetimana Wawasan Brunei 2035, berbagai-bagi inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan pencapaian terutama dari peringkat rendah sebagai asas untuk menentukan kualiti di peringkat menengah yang antaranya Kementerian Pendidikan memberi tumpuan tentang:-

1. Kedatangan pelajar-pelajar ke sekolah;
2. Pemantauan kesihatan; dan
3. Pembekalan makanan sihat yang baru saja dilancarkan baru-baru ini.

Kita maklum bahawa, pelajar mempunyai latar belakang yang berbeza-beza misalannya:-

1. Tinggal di kawasan yang dilanda banjir;
2. Kawasan jauh dari sekolah yang tidak dapat dilalui kenderaan. Oleh itu, ada yang tidak balik tengah hari bagi meneruskan pembelajaran di sebelah petang; dan
3. Terdapat juga keluarga yang kurang mampu.

Kaola ingin tahu apakah inisiatif-inisiatif yang pihak berkenaan terhadap tiga tumpuan yang disebutkan tadi?. Iaitu tentang kehadiran ke sekolah, tentang pemantauan kesihatan dan tentang pembekalan makanan sihat berdasarkan latar belakang mereka yang berbeza. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana dalam mukadimah pagi tadi ada menyentuh pendidikan vokasional dan teknikal bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam hubungan ini kaola ingin menyarankan supaya kerja-kerja asas hendaklah diberi tumpuan seperti kerja-kerja pembinaan bangunan yang memerlukan tukang simin, tukang cat, tukang kayu dan pendawai elektrik di rumah-rumah dan lain-lain yang berkaitan dengan pembinaan.

Kursus membaiki jentera ataupun kereta seperti membaik pulih badan kereta, mengecat, mengimpal dan lain-lain yang berkaitan dengannya

amatlah digalakkan. Dengan adanya kursus kemahiran seperti ini, ia akan memberikan peluang pekerjaan di negara kitani yang kini terdapat lebih kurang 6000 pekerja luar negara yang menguasai kerja di sektor berkenaan.

Dengan adanya rakyat di negara ini memiliki kebolehan dan kemahiran dalam bidang tersebut secara tidak langsung akan mengambil alih kerjakerja yang dibuat oleh pekerja luar negara. Insya-Allah.

Soalan kaola adakah pihak kementerian akan menambah sekolah vokasional dan teknikal bagi menampung penuntut-penuntut yang akan bertambah setiap tahun? Kalau boleh dibangunkan disetiap daerah bagi mengelak tidak perlu membangun asrama ataupun tempat tinggal penuntut.

Mengenai sekolah contoh. Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Kementerian Pendidikan ada menyentuh penubuhan atau mengadakan beberapa sekolah contoh yang bertujuan sebagai memberi motivasi kepada sekolah-sekolah lain dalam negara ini. Majlis ingin tahu sejauh manakah prestasi sekolah berkenaan dan berapa ramaikah murid atau penuntut yang dikategorikan boleh menjadi contoh dari sekolah-sekolah berkenaan (sekolah contoh)? Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengurus. Dalam kesempatan ini kaola akan menyampaikan sebanyak 4 perkara mengenai dengan pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah:-

1. Memperkenalkan subjek pertanian di sekolah rendah dan menengah. Dengan adanya SPN 21, saya rasa amat perlu Kementerian Pendidikan memperkenalkan subjek-subjek yang berkaitan dengan pertanian sebagai salah satu cara memberi pendedahan kepada murid-murid di peringkat rendah dan penuntut-penuntut di peringkat menengah serta institusi teknikal dalam prospek dan peluang-peluang yang banyak yang belum diterokai dalam sektor pertanian. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Subjek seperti *agriculture* di peringkat 'O' level mungkin relevan diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah. Manakala di peringkat rendah pula memandangkan semua kokurikulum rendah direka sendiri oleh Jabatan Kokurikulum Kementerian Pendidikan maka semestinya ia amat mudah bagi kita membuat isi sukatan pelajaran murid-murid di peringkat tersebut;

2. Mengenai perkembangan kursus-kursus pertanian baharu di Sekolah Vokasional Wasan. Kursus-kursus pertanian yang sedia ada dan

ditawarkan di Sekolah Vokasional Wasan kalau tidak silap sebanyak 4 semuanya. Sudah waktunya perlu kita tambah dan dinaik taraf kerana dengan kemampuan institusi tersebut menawarkan *greatest of agriculture course*. Ia dapat membuka peluang kepada belia untuk memilih bidang pertanian sebagai satu kursus yang berpotensi, memajukan pertanian negara dan mengangkat kemampuan institusi setanding dengan institusi teknikal dan vokasional yang lain;

3. Isu pelajar mempunyai 5 'O' level ke atas tidak dapat diterima masuk ke institusi teknikal dan vokasional. Saya juga telah difahamkan bahawa pelajar-pelajar yang berjaya mendapat 5 'O' Level ke atas dan berminat untuk melanjutkan pelajaran ke institusi teknikal dan vokasional tidak dapat diterima oleh institusi tersebut atas alasan mereka lebih layak meneruskan pelajaran di tingkatan enam.

Oleh sebab itu, mereka terpaksa melanjutkan pelajaran mereka ke Pusat Tingkatan Enam yang sememangnya mereka sebenarnya tidak minatinya. Justeru itu timbulah berbagai-bagai andaian orang ramai mengenai isu ini. Adakah institusi teknikal dan vokasional negara mampu menerima jumlah pelajar yang ramai. Ramai pelajar kita lebih cenderung untuk menyertai institusi teknikal dan vokasional kerajaan berbanding

dengan swasta untuk mengangkat status peperiksaan lokal supaya ia setanding dengan peperiksaan antarabangsa.

Alhamdulillah, negara telah mempunyai SPN 21 sebagai ikon dan rujukan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar. SPN 21 memberikan tumpuan dan fokus kepada pelajaran sebagai satu pendekatan dalam aspek penilaian peperiksaan yang diguna pakai dalam SPN 21.

Wujudnya anggapan dalam kalangan ibu bapa mengenai status *SPE* pelajar Tahun 8 yang mereka beranggapan peperiksaan *SPE* yang diadakan pada Tahun 8 itu tidak berprofil tinggi, tidak seperti peperiksaan *BJCE* yang pernah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar kita dahulu. Justeru itu, mungkin tiba masanya untuk kita sendiri menaikkan status atau mengangkat status peperiksaan *local* supaya ia tidak menjadi satu peperiksaan yang remeh dan tidak bermakna bagi penuntut dan ibu bapa.

Saya percaya kita mempunyai kepakaran dalam membuat dan menyediakan kertas peperiksaan yang baik setanding dengan kertas peperiksaan antarabangsa, walaupun ia hanya peperiksaan yang berbentuk dalaman; dan

4. Akhir sekali Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membangkitkan semula isu Maktab Sains

yang telah lama tidak dapat diteruskan kerja-kerja pembinaannya yang terdapat di Kampung Mumong, suka cita memohon penjelasan bagaimanakah kedudukannya pada masa sekarang?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin mengemukakan 3 usul.

1. Mengenai isu 3M (menulis, membaca dan mengira). Lebih dahulu saya suka cita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan, khasnya kepada guru-guru yang terlibat serta pihak-pihak yang berkenaan atas peningkatan secara keseluruhan keputusan Penilaian Sijil Rendah Pelajaran (PSR) pada tahun 2015.

Saya percaya peningkatan ini adalah atas usaha gigih serta kerjasama berbagai-bagai pihak semoga usaha-usaha ini akan berterusan demi memastikan kejayaan generasi

penerus kita pada masa hadapan. Dalam usaha kita meneruskan perjalanan menuju ke destinasi Wawasan Brunei 2035, amat penting untuk kita memastikan bahawa pelajar-pelajar kita di Negara Brunei Darussalam mempunyai kemahiran serta ilmu pengetahuan yang luas, kerana mereka yang akan menjalankan visi dan misi Wawasan Brunei 2035 yang telah dirancang. Oleh itu, pemantauan yang rapi serta kajian hendaklah selalu dijalankan bagi mengetahui dan menghindari apa jua faktor yang boleh menyebabkan pelajar-pelajar gagal di dalam pelajaran.

Pada masa ini, antara makluman yang saya terima ialah mengenai sebilangan pelajar yang memasuki Tahun 7 adalah pelajar yang lemah dalam penguasaan 3M (Membaca, Menulis dan juga Mengira). Hal ini sangat membimbangkan kita kerana kemahiran 3M adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai seawal sekolah rendah/bawah lagi. Kegagalan murid membaca dengan baik amat berkait rapat dengan kegagalan dalam peperiksaan. Apabila pelajar lemah dalam membaca, mereka akan mengalami kesukaran untuk memahami isi kandungan buku-buku teks/nota-nota yang diberikan oleh guru-guru mereka serta soalan-soalan kertas peperiksaan mereka sendiri.

Pelajar yang menghadapi masalah lemah dalam 3M juga akan berhadapan dengan masalah

menguasai mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan juga Sejarah. Pada pendapat saya, asas 3M ini adalah asas ke arah penguasaan ilmu dan kemahiran kepada apa jua segenap bidang pembelajaran sama ada duniaawi atau ukhrawi. Di manakah silapnya yang menyebabkan pelajar-pelajar sekolah menengah ini lemah di dalam 3M?

Walhal mereka sudah ada di alam persekolahan selama sekurang-kurangnya 6 tahun di peringkat sekolah rendah. Enam tahun itu bukanlah satu jangka masa yang pendek, apakah tidak ada sistem yang khusus yang membolehkan murid-murid yang telah dikenalpasti lemah dalam 3M ini agar dapat diberikan lebih bimbingan dan perhatian sejak dari awal peringkat sekolah rendah lagi. Tambahan lagi sistem pelajaran pada masa ini tidak lagi menahan mana-mana murid yang gagal di dalam peperiksaan akhir tahun, kecuali jika peratus kedatangan mereka ke sekolah kurang daripada 85 peratus. Maka masalah murid yang lemah dalam 3M ini akan lebih mudah terlepas pandang. Perkara ini berlarutan dari setahun ke setahun sehingga murid-murid tersebut memasuki sekolah menengah.

Kesan daripada kelemahan 3M ini banyak. Antaranya, ia akan menyebabkan murid-murid dan pelajar-pelajar hilang minat serta

motivasi untuk belajar. Mereka akan merasa rendah diri dan terasing daripada rakan-rakan yang dapat menguasai 3M dengan baik. Ini boleh mendorong mereka ponteng sekolah dan seterusnya dikhuatiri mereka terjebak dengan gejala-gejala sosial yang tidak diingini. Oleh itu, amatlah perlu langkah-langkah mengatasi masalah 3M ini diambil tindakan secepatnya.

Program yang bersesuaian bagi memastikan murid-murid dapat menguasai kemahiran membaca, mengira dan menulis sejak di peringkat awal lagi hendaklah diadakan. Bagi pelajar-pelajar di sekolah menengah yang lemah dalam 3M hendaklah dikenal pasti untuk disalurkan ke program untuk menguasai 3M yang bersesuaian.

Adakah ia berpunca daripada kurangnya jumlah guru yang berpengalaman mengajar di bahagian rendah/bawah. Atau mungkin ianya berpunca daripada jumlah *syllabus* pelajaran yang terlalu banyak, yang mesti atau perlu dihabiskan di dalam tempoh setahun menyebabkan guru-guru terpaksa berebut-rebut menghabiskan *syllabus* yang telah disusun seperti yang diarahkan sehingga mereka tidak dapat menunggu kesemua muridnya menguasai atau memahami satu-satu topik sebelum berpindah ke topik pelajaran yang lain. Maka faktor-faktor penyebab kelemahan 3M dalam

kalangan murid-murid hendaklah diambil perhatian yang serius; dan

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

2. Perkara kedua yang ingin kaola sampaikan bagi Tahun Kewangan 2016/2017, satu peruntukan sebanyak B\$2 juta juga telah diluluskan bagi Pusat Kajian Dasar dan Strategik (*CSPS*). Pusat ini ditubuhkan bagi membuat kajian-kajian bagi faedah dan membantu penggubalan polisi dan perancangan strategik kerajaan.

Soalan kaola:-

- i. Setakat ini berapa banyakkah kajian dan penyelidikan yang telah dilaksanakan?;
- ii. Apakah susulan daripada penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan hasil daripada kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat?; dan
- iii. Adakah penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan tersebut disampaikan kepada pihak yang berkenaan untuk susulan dan pelaksanaan?; dan
3. Sebanyak B\$30 juta telah dibelanjakan bagi mendatangkan tenaga pakar iaitu pengajar mahir untuk Projek Literasi, Bahasa Inggeris, dan Numerasi pada 2015/2016 yang merupakan

sebahagian daripada peruntukan B\$120 juta yang diluluskan.

Soalan kaola:-

- i. Setakat ini berapa ramaikah tenaga pakar dan pengajar mahir yang telah didatangkan dan apakah tugas dan tanggungjawab mereka?; dan
- ii. Apakah strategi pihak kementerian bagi pelaksanaan projek ini dan apakah bentuk program-program yang telah dirancang dan telah dilaksanakan?

Itu saja barangkali Yang Berhormat Pengerusi, soalan-soalan kaola di dalam Dewan yang mulia ini, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Awang Haji

A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

 Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wassalaatu Wassalaamu Alaa Asyrafil Mursalin, Sayidina Muhamadin, Waala Alihi Wasabbihi Ajma'in.

رَبِّ أَشْجَحَ لِي صَدَرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَأَحْمُلْ عُقْدَةَ مِنْ

إِسْلَامٍ يَفْهَمُونَ فَوْلَى

Yang Berhormat Pehin, Kaola akan menyentuh sedikit tentang Kementerian Pendidikan.

Kaola mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah berjaya mengatasi/melimpasi kelemahannya pada tahun lepas. Ini satu kejayaan. Nampaknya kelemahan Pendidikan 2015 itu ialah kerana ada sebab-sebab tertentu. Kaola amat sedih kerana terjadilah umpamanya para ibu bapa marah kepada guru-guru mengatakan guru-guru malas mengajar menjadikan kelemahan anak itu.

Apa yang kaola harapkan supaya semangat kental mengangkat balik pendidikan adalah sesuatu yang sangat baik. Di dalamnya ada ikhlas dan mesti ada Innamal a'malu binniat, mesti ada al kawi, mesti ada al-amin, dalam pendidikan itu. Mudah-mudahan mengamalkan perkara itu akan makbulah cita-cita mengangkat pendidikan dengan berpandukan *Waktaa Simmu Bihabbillahi Waljami'a Wal Tafarhu* akan menguatkan lagi semangat perpaduan antara ahli-ahli Kementerian Pendidikan.

Saya bertanya adakah masih mengamalkan dasar *automatic promotion* ke atas penuntut. Kalau masih mengamalkan baiklah berjaga-jaga jangan sampai tergelincir kedua kalinya. Mudah-mudahan bila beringat-ingat itu akan menjadi kebaikan bersama dalam pendidikan dan negara. Hal ini ada menyentuh dalam pantun.

Dia bernama Dandan Setia;
Belayar ke Negeri Yaman;
Kalau dia teguh setia;
Itu tandanya orang beriman.

Begitulah Yang Berhormat.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi:
Waalaikumsalam. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Pendidikan memerlukan sedikit masa untuk menjawab pantun Yang Berhormat tadi itu. Sebelum kita berikan kesempatan bagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan saya tangguhkan mesyuarat Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita bermesyuarat dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat kita ini selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat Persidangan kita disambung semula dan kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Belanjawan Kementerian Pendidikan. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu saya tangguhkan dahulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang

Berhormat. Sekarang kita bersidang semula diperingkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbahtan dan meneliti Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Belanjawan Kementerian Pendidikan. Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan untuk berehat sebentar tadi kita telah mendengar beberapa pertanyaan dan soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan reaksi ataupun responsnya ataupun penjelasan bagi soalan-soalan dan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kerana telah pun memberi peluang untuk kaola menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola menjawab soalan-soalan yang baru didengar tengah hari ini tadi kaola ingin menjawab 1 atau 2 soalan yang dikemukakan pada pagi tadi yang nampaknya belum sempat abis kaola menjawab.

Soalan pertama ialah soalan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai peluang yang boleh diberikan kepada warga perkhidmatan awam Bahagian III ke bawah untuk belajar di institusi pengajian Tinggi. Maka sebagai jawapan Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut. Pada menjawabnya kaola ingin merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 27/1998 dan Surat Jabatan Perdana Menteri Bil. 10/2006 iaitu tidak ada halangan bagi mana-mana pegawai dan kakitangan kerajaan dalam semua bahagian termasuk Bahagian III dan kebawah untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

Walau bagaimanapun pemberian (LDP) antara lain adalah tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut. Keperluan dan perancangan strategik

kementerian-kementerian dan jabatan yang mengutamakan kepada pegawai terbaik dalam bidang masing-masing yang mempunyai potensi yang tinggi dan merit untuk mengikuti dan berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang bagi memenuhi objektif utama skim iaitu peningkatan tahap kemahiran, pengetahuan dan profesionalisme dalam perkhidmatan awam.

Pegawai-pegawai yang disokong mengikuti Skim (LDP) juga mestilah memenuhi syarat-syarat utama dan syarat kelayakan akademik seperti dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Dalam konteks, ini perlu ditekankan bahawa Skim (LDP) tidak terikat secara langsung dengan pemberian jawatan tinggi atau jawatan tangga gaji yang lebih tinggi kepada pegawai yang telah berjaya dalam latihan atau kursus yang diikuti sama ada dalam latihan ataupun kursus yang diikuti.

Mengikut perangkaan 2006 sehingga Disember 2015, seramai 2,646 orang pegawai di Bahagian III dan ke bawah telah dibenarkan untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri dalam berbagai-bagai tahap dan bidang termasuk Diploma Kebangsaan, Diploma Tertinggi, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Kalau mengikut pecahannya dari Bahagian III jumlah kebenaran yang telah pun diberikan ialah 2,085 orang. 1,941 orang Skim Cuti Belajar Dalam Negeri, 16 orang belajar Separuh Masa dan 4 orang

diberikan Skim Cuti Tidak Bergaji. Sementara Bahagian IV seramai 510 orang telah pun dibenarkan. 314 orang mengikuti Skim Belajar Dalam Negeri, 26 orang separuh masa dan 20 orang Skim Cuti Tidak Bergaji dan di Bahagian V sebanyak 51 orang telah pun dibenarkan, 9 orang mengikuti Skim Cuti Belajar Dalam Negeri, 32 orang Separuh Masa dan Skim Cuti Tidak Bergaji hanya seorang.

Bagi tempoh yang sama juga seramai 684 orang pegawai dari Bahagian III dan ke bawah telah dibenarkan untuk mengikuti Skim Latihan Perkhidmatan Seberang Laut di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh untuk mengikuti pengajian pada tahap Sijil Diploma Tertinggi, ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

Mengikut data yang kita terima Bahagian III seramai 542 orang telah pun dibenarkan dan 456 orang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh (*full in service training*), 15 orang Skim Cuti Belajar Luar Negeri dan sementara di Bahagian IV jumlah 130 orang yang mengikuti Skim Dalam Perkhidmatan Penuh dan seorang Skim Cuti Tidak Bergaji.

Sementara Bahagian V, 3 orang kebenaran telah pun diberikan, ketiganya mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh dan jumlah yang telah pun dibenarkan ialah 684 orang dan itulah data yang telah pun didapatkan mengenai perkara ini.

Dalam menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Memang tidak ada halangan bagi mereka yang di Bahagian III ke bawah untuk belajar di institut pengajian tinggi dan sebagaimana data yang telah diberikan sudah terdapat banyak yang mengikuti kursus-kursus tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin berbalik kepada soalan-soalan yang telah pun dikemukakan pada tengah hari tadi mengenai beberapa isu di Kementerian Pendidikan. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengajukan soalan kepada kaola.

Soalan pertama ialah daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai keputusan peperiksaan. Pada tahun lepas 2015 didapati amat menggalakkan dan kita telah pun dapat memperbaiki pencapaian pelajar-pelajar kita di Peringkat Pendidikan Rendah.

Memanglah dalam keadaan sedemikian kita pun turut merasa gembira kerana usaha-usaha kita itu nampak hasilnya. Kita meneliti *backtrack* dengan melihat apakah punca-punca kejayaan kitani hingga pelajar-pelajar kitani dapat mencapai pencapaian yang lebih menggalakkan daripada sebelumnya.

Apa yang kita dapati bahawa salah satu punca utamanya ialah kesungguhan pelajar itu sendiri untuk memperbaiki diri mereka dan ini didukung dan

disokong oleh usaha guru-guru, ibu bapa dan juga pentadbiran sekolah untuk melihat sekolah masing-masing berjaya mencapai sasaran-sasaran yang telah pun diberikan. Atas usaha semua pihaklah kita dapat menikmati kejayaan seperti yang telah pun dinyatakan itu.

Salah satu kajian mengenai faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar ialah salah satu inisiatif telah pun dilihat. Pencapaian pelajar-pelajar 2009 hingga 2014 mendapati bahawa dalam kalangan pelajar yang mendapat kredit dalam mata pelajar *Mathematics* dan *English*, 95 peratus daripada mereka berjaya memperolehi 5 kredit ke atas.

Bagi pelajar yang hanya mendapat kredit dalam mata pelajaran *Mathematics* atau *English*, 50 peratus daripada mereka yang berjaya memperolehi 5 kredit ke atas. Bagi pelajar yang tidak mendapat kredit dalam kedua-dua mata pelajaran *Mathematics* dan *English* hanya kurang dari 4 peratus daripada mereka yang berjaya memperolehi 5 kredit ke atas.

Dapatan ini menunjukkan bahawa mata pelajaran *Mathematics* dan *English* adalah satu daripada faktor yang membolehkan mereka mencapai sekurang-kurangnya 5 'O' Level/ kredit. Dalam usaha kita pada masa ini ialah untuk memperbaiki lagi pencapaian kanak-kanak dalam mata pelajaran *English*, *Mathematics* and *Science*. Dalam usaha itu kita telah pun berusaha untuk mendatangkan guru pakar misalannya dalam bahagian *Mathematics* dan *English* tersebut bagi

membantu guru-guru dan pelajar-pelajar untuk menguasai *English*, *Mathematics* dan *Science* ini.

Usaha itu bukan sahaja kepada guru-guru tetapi kita juga melihat sejauh mana kurikulum yang disediakan itu betul-betul dapat diikuti oleh pelajar-pelajar berkenaan. Dalam perkara ini kita telah pun membuat reviu jika perlu akan kurikulum-kurikulumnya dan kita membuat pendekatan-pendekatan yang baharu dengan menekankan pada *approach concept*. Kita ingin anak-anak murid kita mempelajari dan memahami konsep mata pelajaran yang mereka pelajari.

Kita juga menekankan kepada bimbingan sekolah kerana kita juga melihat bahawa kepimpinan sekolah yang efektif dapat membawa sekolah itu ke satu tahap yang lebih tinggi. Dalam hal ini, banyak inisiatif yang kita ambil untuk memastikan bahawa pencapaian kita di peringkat PSR pada tahun 2015 bukan hanya bagi tahun berkenaan tetapi bagi tahun-tahun seterusnya.

Dalam perkara ini kita tumpukan peruntukan kita pada Tahun Kewangan 2016/2017 untuk memastikan bahawa peruntukan yang diberikan itu dapat membantu kitani mencapai target kita ataupun sasaran-sasaran untuk memperbaiki PSR dan selanjutnya kita juga bercadang bagi tahun ini memulakan inisiatif-inisiatif tertentu bagi menaik taraf pencapaian di peringkat 'O' level.

Insya-Allah usaha-usaha ini bukanlah usaha satu pihak sahaja atau pun pihak kementerian tetapi juga berbagai-bagai pihak, *stakeholders* yang lain. Kita mengharapkan kerjasama *understanding* dan seterusnya penglibatan pihak-pihak yang berkenaan dalam menjayakan rancangan kita untuk menaik taraf pelajar-pelajar kita di peringkat PSR, peringkat rendah dan menengah dan seterusnya peringkat *pass* ke menengah.

Soalan yang seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai sasaran Wawasan Brunei 2035 dan mengenai dengan ekspo yang telah pun diadakan oleh pelajar.

Dalam mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan tahap *literacy business* ataupun *finance business literacy* kepada belia dan pelajar, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperkenalkan program-program keusahawanan.

Salah satu program keusahawanan yang telah dan terus akan diusahakan oleh Kementerian Pendidikan ialah Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (*Student Entrepreneurships Development Expo*) (*SEDEX*).

Program *SEDEX* mula diperkenalkan pada tahun 2012 sempena sambutan Hari Guru. *SEDEX* merupakan *showcase*

yang pelajar-pelajar diberi peluang untuk bermula dan seterusnya memperolehi pengalaman dalam bidang keusahawanan.

Peranan pendidikan sangat penting dalam membimbing dan mencetus minat keusahawanan dalam kalangan pelajar agar dapat mencungkil bakat pelajar untuk menghasilkan idea-idea kreatif yang mempunyai nilai komersial dan dapat dipasarkan. Selain itu, dengan menyediakan peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman ini kita berharap ia akan menarik minat para pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Mengenai cadangan supaya sekolah-sekolah yang menunjukkan potensi yang dapat menjadikan modal untuk diberi penganugerahan satu perkara yang belum kitani fikirkan, dan insya-Allah perkara ini dapatlah kitani bincangkan di Kementerian Pendidikan sama ada bersesuaian untuk mana-mana sekolah yang dapat membuat penyata kewangan yang cukup baik untuk dijadikan modal ataupun yang dapat menjayakan *business enterprise* ini ataupun *business mindset* ini di sekolah masing-masing untuk diberi pengiktirafan dan diberikan anugerah.

Mengenai soalan seterusnya iaitu mengenai hasil jualan iaitu sama ada sekolah-sekolah rendah ada rancangan untuk mengadakan aktiviti pertanian kerana nampaknya aktiviti pertanian ini mendatangkan hasil dan sebagainya, jawapannya memang tidak ada pada masa ini. Walau bagaimanapun, ini

terpulanglah kepada sekolah masing-masing untuk mengadakannya secara dasar, tidak ada dikenakan sebarang peraturan ataupun sebarang arahan bagi sekolah-sekolah untuk mengadakan aktiviti pertanian. Tetapi jika ada sekolah-sekolah yang ingin mengadakannya itu satu perkara yang dialu-alukan dan tidaklah menjadi halangan daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Mengenai kedatangan pelajar ke sekolah-sekolah. Perkara ini diambil berat oleh pihak Kementerian Pendidikan. Kita berusaha sebaik-baiknya untuk mengatasi masalah ini. Masalah kedatangan pelajar ini berpunca daripada berbagai-bagai perkara, ada antaranya memanglah tidak ada tanggungjawab daripada ibu bapa untuk menghantar anaknya ke sekolah, keadaan keluarga yang kurang berupaya.

Ada antaranya oleh sebab ibu bapa mereka bekerja di tempat yang jauh daripada sekolah ataupun di *opposite direction* daripada sekolah, maka tidak ada peluang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan ada antaranya keluarga yang tidak ada kemampuan untuk memiliki kereta dan tidak berupaya untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Perkara-perkara ini, kita maklumi dan kita mencuba mengatasinya sedapat yang mungkin dan kita juga berusaha dengan pihak-pihak tertentu bagi menyediakan pengangkutan-pengangkutan ke sekolah ini.

Kita ada pengangkutan bas sekolah yang diberikan khas kepada pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah yang melebihi daripada 8 km. Kita juga ada senarai pemohon untuk pertimbangan khas iaitu mereka yang tinggal berdekatan dengan sekolah tetapi menghadapi masalah untuk datang ke sekolah disebabkan oleh perkara-perkara yang kaola sebutkan tadi.

Mereka ini, kita sediakan perkhidmatan bas untuk mengangkut mereka ke sekolah agar mereka tidak tercicir dalam kedatangan sekolah. Kita juga menekankan kepada ibu bapa mereka bahawa pelajar-pelajar yang kedatangannya kurang daripada 85 peratus, tidak akan dinaikkan darjah dan jika kedatangan itu sebagai satu kebiasaan boleh didakwa oleh pihak-pihak sekolah. Walau bagaimanapun, perkara ini kita tunduki bersama dan kita bawa ibu bapa ini untuk mengetahui apa permasalahan persekolahan anak-anak mereka hingga mereka tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Ada juga inisiatif daripada pihak guru itu sendiri yang membawa murid ini ke sekolah. Ini menunjukkan keprihatinan pihak sekolah itu dan juga keprihatinan guru-guru yang ingin memastikan bahawa murid mereka ada yang tidak datang ke sekolah disebabkan isu-isu tidak ada pengangkutan.

Kaola ingin sekarang berpindah kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya

Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Ada beberapa soalan yang ditimbulkan. Pertama mengenai dengan, sama ada kerja-kerja asas diberi keutamaan seperti kursus-kursus membaiki kereta, mengecat kereta dan sama ada lepasan-lepasan sekolah ini diberi kemahiran. Bagi menjawabnya untuk makluman ahli-ahli di Dewan Majlis ini bahawa kita sekarang memberi fokus kepada Pendidikan Teknik. Kita membuat transformasi tertentu dan kita menganggap bahawa Pendidikan Teknik ini merupakan satu daripada tiga tonggak utama perubahan dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21).

Transformasi pendidikan teknik ini adalah salah satu daripada 7 inisiatif induk inisiatif yang mendukung Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012/2017. Transformasi Pendidikan Teknik merupakan satu usaha kepada penyusunan semula (*realigning system*) Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang lebih menjurus kepada Sistem Pascapendidikan Menengah (*for secondary education*) yang *responsif* dan relevan kepada keperluan negara.

Jadi sistem PTV ini, dijana berdasarkan kehendak *deny demand driven* sumber tenaga manusia yang *responsif* kepada pelbagai inisiatif pihak kerajaan dan berkolaborasi dengan industri bagi menginovasikan pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan tenaga mahir yang bersifat keusahawanan.

Kita memanglah mengambil langkah-langkah yang ada keperluan sesuatu kepakaran itu, ataupun satu *skill* itu maka pihak Pendidikan Teknik akan menyediakan kursus-kursus yang bersesuaian agar pelajar-pelajar yang lepasan dari sekolah menengah yang berminat untuk jurusan ini akan dapat disalurkan jurusan ini. Agar apabila mereka selesai pengajian mereka akan mempunyai skill tertentu untuk mengisi keperluan-keperluan yang ada di industri-industri yang berkenaan.

Mengenai soalan seterusnya iaitu soalan mengenai Sekolah Contoh. Sekolah Contoh ini kita adakan bagi menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ingin melihat lebih banyak dijadikan Sekolah Contoh. Memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin, salah satu tujuannya ialah untuk meningkatkan kewibawaan mereka sebagai pemimpin sekolah yang dinamik, berdaya tahan, proaktif dan sentiasa bersedia untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi. Misalannya dengan mempraktikkan autonomi dan akauntabiliti dan kepimpinannya, Guru Besar Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi, Temburong telah berjaya mengadakan klas pra bagi kanak-kanak berumur 4 tahun.

Mereka juga digalakkan untuk melaratkan amalan-amalan terbaik yang telah diamalkan oleh Sekolah Contoh ini seperti penggunaan pelbagai modaliti pengajaran dan pembelajaran

berasaskan amalan-amalan terbaik antarabangsa. Misalannya penggunaan *learning speeches* dalam pengajaran dan pembelajaran yang telah memberikan peluang kepada guru besar dan guru-guru untuk menjalankan *team teaching* dengan 2 atau 3 orang guru akan sama-sama mengajar sekumpulan pelajar yang terdiri daripada 2 atau 3 buah kelas dalam satu sesi.

Seperti juga yang telah dimaklumkan bahawa inisiatif pertama Sekolah Contoh ini telah diganti dengan inisiatif utama *whole school improvement*. Daripada kita hanya menumpukan beberapa buah sekolah saja yang menjadi Sekolah Contoh, satu inisiatif yang telah kita buat untuk menggantikan inisiatif Sekolah Contoh ini ialah inisiatif utama *whole school system*.

Di bawah *whole school improvement* ini, memang tidak ada perbezaan yang ketara antara *whole school improvement* dengan Sekolah Contoh kerana *whole school improvement* merupakan satu peningkatan konsep dalam Sekolah Contoh. Konsep seperti autonomi, akauntabiliti masih lagi diserapkan dalam *whole school improvement* ini. *WSI* ataupun *whole school improvement* ini merupakan pengajaran-pengajaran yang dipelajari dari Sekolah Contoh bagi peningkatan *teaching and learning* dan tertumpu kepada *efficiency of teaching and learning* dalam usaha meningkatkan produktiviti dalam mata-mata pelajaran dalam pembelajaran.

Ini merupakan faktor kritikal bagi mencapai Wawasan Brunei 2035. Peningkatan pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat hendaklah berpandukan ketulusan *data driven* dan *data driven decision* merupakan *variable* yang penting dalam melaksanakan autonomi dan akauntabiliti Sekolah Contoh ini.

Seterusnya, kaola ingin berpindah kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai SPN21 sama ada ia dapat memperkenalkan subjek pertanian di peringkat rendah. Perkara ini sebenarnya belum ada dalam pertimbangan Kementerian Pendidikan, kerana jika kitani menambah satu lagi mata pelajaran di peringkat rendah ini bermakna masa bagi mata-mata pelajaran lain terpaksa dibahagi-bahagikan. Dalam perkara ini amat sukar bagi kitani menambah mata pelajaran tambahan dalam sistem pendidikan yang ada pada masa ini. Sebagaimana yang semua Ahli Yang Berhormat tahu, pada masa ini pun kanak-kanak kitani sudah berat dengan mata-mata pelajaran yang terpaksa mereka ikuti sepanjang hari.

Seterusnya mengenai Maktab Sains di Kampung Mumong, yang projek ini telah pun terberhenti. Seperti yang telah pun dimaklumi mengenai kejadian keruntuhan struktur (*structure*) atap di bahagian depan dewan serbaguna projek Maktab Sains Kuala Belait yang menyebabkan projek ini keseluruhannya telah pun diletakkan di bawah *stopped*

work order bermula pada 23 Oktober 2014.

Kejadian tersebut telah dijalankan siasatan dengan tertubuhnya satu Lembaga Penyiasatan (*Board of Inquiry*). Laporan dapatan daripada lembaga tersebut telah dikeluarkan pada 4 Februari 2015. Antara lain perkara yang telah mendapat perhatian dalam laporan tersebut ialah seperti berikut:-

1. Kelayakan dari segi keselamatan dan kualiti kerja-kerja pembinaan; dan
2. Reka bentuk sepatutnya mengutamakan keselamatan dan seharusnya faktor keselamatan diambil perhatian berat terhadap keseluruhan reka bentuk sekolah berkenaan.

Berikutan laporan ini, konsultan-konsultan projek yang dilantik telah menyatakan komitmen mereka melalui satu Deklarasi Waran yang mengesahkan reka bentuk dan struktur (*structure*) bangunan adalah mengikut standard profesional dan piawaian antarabangsa yang diiktiraf.

Berikutan dengan ini juga, beberapa konsultan pihak ketiga telah dilantik oleh konsultan utama untuk mereviu reka bentuk struktur (*structure*) bangunan. Dapatan awal telah dihadapkan ke Kementerian Pembangunan, masing-masing pada 29 September 2015 dan 17 Disember 2015. Walaupun demikian, laporan-laporan yang dihadapkan didapati tidak

sama dari segi *review structure* reka bentuk projek tersebut. Masih ada perbalahan antara konsultan-konsultan dan laporan-laporan yang tidak sama.

Disebabkan ketidaksamaan dalam kedua dapatan reviu tersebut, maka konsultan pihak ketiga telah mengadakan satu mesyuarat teknikal dan bekerjasama untuk menyelesaikan ketidaksamaan tersebut pada 6 Januari 2016. Pada masa ini, kita masih menunggu jika ada persetujuan antara semua konsultan dan pihak-pihak yang terlibat di mana kesilapannya dan bagaimana membaiki kesilapan itu sama ada struktur atau masalah itu, adakah masalah berkenaan sebahagian sahaja ataupun keseluruhannya. Oleh itu, selagi kita belum mengetahui hasil perbincangan tersebut, maka *stopped work order* itu masih dikekalkan.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan dengan pihak kementerian-kementerian berkenaan akan berusaha untuk mencari jalan supaya projek yang telah pun dibina separuh jalan itu dapat diteruskan secepat mungkin bagi keperluan Maktab Sains di Daerah Kuala Belait.

Kaola seterusnya beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai isu 3M, di manakah silapnya sehingga pencapaian di peringkat rendah itu masih di tahap yang rendah. Bagaimana kitani akan membaikinya

dan apa lagi usaha kitani untuk meningkatkan ataupun menaiktarafkan pencapaian pelajar-pelajar di bahagian rendah.

Sebenarnya jika ada masalah berkaitan 3M ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap pencapaian kanak-kanak kitani di bahagian rendah. Seperti yang telah pun dinyatakan, kita mengenal pasti bahawa *literacy* dan *numeracy* adalah punca utama yang menyebabkan kalangan pelajar kita masih lemah.

Dalam hal ini, langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan melihat keputusan peperiksaan 2015. Perkara ini boleh kitani atasi, selesaikan dan diperbaiki. Kita telah pun meneliti beberapa langkah yang perlu kitani ambil. Antaranya ialah untuk mewujudkan piawaian *literacy* dan *numeracy* kebangsaan (*national literacy and numeracy standard*), yang merangkumi 4 tahap seperti berikut:-

1. Tahap membaca (*reading level*);
2. Tahap menulis (*writing level*);
3. Tahap mendengar dan bertutur (*listening and speaking level*); dan
4. Tahap *numeracy* (*numeracy level*).

Piawaian ini juga mengambil kira piawaian antarabangsa yang berhubung kait dengan *literacy and numeracy*

standard seperti *Wales Literacy and Numeracy Framework (LNF)*, *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* dan *Programme for International Student Assessment (PISA)*.

Objektif *LNF* ini untuk mewujudkan tahap ekspektasi negara dalam pencapaian *literacy* dan *numeracy*, memberikan maklumat yang berguna sebagai rujukan dalam penyediaan dasar, meningkatkan pemahaman guru terhadap kemahiran membaca dan mengira dan membantu pelajar dalam mengesan kemajuan mereka sendiri.

Melalui *LNF* ini juga, para pelajar akan dinilai melalui penilaian diagnostik dan seterusnya diberi bantuan intervensi selaras dengan kehendak standard yang telah ditetapkan. Guru-guru pula diberikan latihan dalam penggunaan *LNF* ini, bekerjasama dan menyokong pelaksanaan projek program literasi yang dikehendaki oleh Jabatan Sekolah-Sekolah seperti program Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) dan *The Integrated Approach To Reading Acquisition (TIARA)*.

Bahan-bahan sokongan *LNF* seperti buku teks, buku aktiviti, buku sumber, buku panduan guru dan sebagainya telah pun disediakan bagi mengatasi masalah ini. Bagi memastikan pelajar tidak akan lemah dalam 3M di peringkat menengah, piawaian ini akan ditekankan bermula dari Tahun 1 lagi bermula pada tahun ini dan pelajar-pelajar kita, insya-Allah akan mempunyai tahap kompetensi yang

selayaknya bermula pada tahun ini apabila *LNF* berkenaan mula diperkenalkan dan dipergunakan.

Memanglah kita mengambil berat terhadap tahap pencapaian anak murid kitani dan insya-Allah dengan usaha-usaha yang telah kitani buat di Kementerian Pendidikan dan dibantu oleh pihak PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri, kita berharap akan mendatangkan hasil seperti yang dihajati iaitu dapat menaiktarafkan pencapaian pelajar-pelajar kitani di peringkat rendah dan insya-Allah juga di peringkat menengah dan seterusnya.

Seterusnya, kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ahmad bin Haji Hussin mengenai saranannya supaya kita berhati-hati mengenai *automatic promotion* ini. Memang dalam SPN21 kita ada sistem *no retention policy* ataupun *automatic promotion* tetapi dasar *automatic promotion* ini ataupun *no retention policy* ini bukanlah diadakan *on his own*, ertiya tiada akan begitu sahaja dan mana-mana murid/pelajar yang kurang berjaya akan terus dinaikkan begitu sahaja, sebenarnya tidak.

Dalam SPN21, kita ada mengenalkan juga intervensi-intervensi tertentu bagi membantu pelajar-pelajar yang dikenal pasti masih lemah, tetapi oleh kerana sistem tidak ada *no retention policy* itu maka mereka akan dinaikkan darjah tetapi usaha-usaha akan diambil bagi membantu mereka supaya mereka dapat memahami mata pelajaran mereka dan setiap tahun mereka

berpindah kelas ataupun naik satu darjah, satu tingkat maka mereka akan memahami apa yang dipelajari, insya-Allah.

Untuk usaha-usaha seperti ini, ia juga dibantu dengan *School Based Assessment (SBA)* guru-guru dan pihak sekolah akan menilai kemampuan kanak-kanak itu sebelum mereka naik kelas. Mereka itu walaupun naik kelas pencapaian mereka dipantau supaya mereka itu tidak jauh ketinggalan ataupun tidak terlalu lemah dalam mata pelajaran sehingga akan mengakibatkan mereka lemah seterusnya. Memang ada intervensi-intervensi program kita yang kita jalankan dalam hal-hal ini.

Barangkali Yang Berhormat Pengerusi, itu sahaja yang dapat kaola jawab dan insya-Allah kalau mana-mana soalan yang masih belum terjawab maklumlah soalan-soalan itu datang bertubi-tubi dan insya-Allah jika ada kesempatan abiskaola ingin merespons lagi mana-mana yang belum dijawab ataupun soalan-soalan yang penting yang perlu dijawab akan abiskaola cuba menjawab jika ada kesempatan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah memberi keterangan-keterangan dan penjelasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpendapat

bahawa ada baiknya Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan ini sekarang kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan ini diluluskan sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan
tanda bersetuju)**

Dengan itu Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang mula untuk membincangkan belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum saya memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat pengenalan mengenai belanjawan kementeriannya, saya ingin mencadangkan supaya *intervention* ataupun pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan dijawab seberapa yang boleh, barangkali saya cadangkan tidak kurang daripada 4 orang untuk mengelakkan soalan-soalan itu bertimbun-timbun.

Kalau sekiranya sampai sudah 13 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik bertanya, maka saya kira banyak soalan itu terlepas pandang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Untuk membolehkan supaya kita berjalan dengan lebih rancak lagi, maka saya cadangkan supaya bagi kementerian-kementerian yang selanjutnya yang bertanya itu nanti kita hadkan kepada 4 orang, tidak kurang daripada 4 orang dan lepas itu dijawab oleh menteri-menteri yang berkenaan dan selanjutnya 4 orang 4 orang lagi.

Dengan itu, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat pengenalan atau mukadimahnya mengenai belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillahi

Rabbil Alamin Wassalatu Wassalaamu A'laa Asyrafil Anbiya Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain Amaa Ba'adu. Rabbish Rahli Sadri Wa Yassirli Amri Wahlul Uqtadam Mil Lisani Yaf Qahu Qauli. Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang

Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) kerana penyediaan peruntukan yang bersesuaian bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang fiskal yang kita hadapi sekarang ini.

Sebelum membahaskan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2016/2017, kaola sukacita ingin mengongsikan hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selepas penyelarasan nama dan portfolio Kementerian ini pada 22 Oktober 2015 yang lalu.

Alamdulillah, kaola dan semua warga kementerian kaola merasa sungguh bertuah sekali kerana hala tuju kementerian yang telah dilakar beberapa bulan yang lalu. Ini benar-benar selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena menyambut Awal Tahun Masihi 2016. Dari titah Baginda itu, terdapat isu-isu perekonomian yang kritikal yang Baginda telah tekankan dan semestinya pula kita tangani:-

1. Berbangkit daripada keadaan ekonomi. Penurunan dunia yang tidak menentu penurunan kepada pengeluaran minyak dan gas

negara serta kejatuhan harga minyak dunia kebelakangan ini telah menjasikan prestasi makroekonomi Negara Brunei Darussalam. Pertumbuhan ekonomi negara bukan sahaja perlahan malah telah merekodkan pertumbuhan negatif;

2. Bertolak daripada keadaan tersebut, maka untuk KDNK negara ini tumbuh sangat mustahak bagi kita memperluaskan dan mempelbagaikan asas ekonomi negara ini. Usaha-usaha ini untuk meningkatkan keluaran dalam negara bukan sahaja perlu dilipatgandakan bahkan perlu juga dipercepatkan; dan
3. Saiz pasaran negara yang kecil tidak boleh dijadikan alasan untuk menyekat pertumbuhan, pengeluaran perusahaan perniagaan kita. Bagi menjamin pertumbuhan, perniagaan, perusahaan, kita perlu menerokai pasaran eksport. Maka selaras juga dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya mensejajarkan hala tujunya.

Ke arah itu visi kementerian ialah "Ke arah industri sumber-sumber utama dan pelancongan yang

progresif dan berdaya tahan dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan dan ekonomi demi mencapai Wawasan Brunei 2035". Sementara itu, misi kementerian ini pula ialah "Menerajui pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan KDNK dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara, dan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi serta menfokus kepada pasaran eksport".

Selaras dengan visi dan misi ini, kementerian akan memberikan penekanan kepada 4 teras utama iaitu:

1. Pertumbuhan (*economic growth*);
2. Produktiviti;
3. Eksport; dan
4. Berdaya tahan ataupun *sustainable*.

Bagi penekanan pertama; pertumbuhan ataupun *economic growth* kementerian ini akan memastikan adanya pertumbuhan dan penambahan besar dalam pengeluaran ataupun *output* secara berterusan setiap tahun daripada industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan yang secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan KDNK.

Bagi penekanan kedua, iaitu produktiviti, kementerian ini pula akan

memastikan adanya peningkatan produktiviti berterusan dalam pengeluaran industri-industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, "beberapa kali sebelum ini, peningkatan produktiviti adalah jentera utama yang telah terbukti dapat membantu usaha-usaha bagi mempercepatkan pertumbuhan KDNK, termasuklah pertumbuhan keluaran sektor-sektor sumber-sumber utama ini".

Di samping itu, peningkatan produktiviti juga adalah kunci kepada penurunan kos pengeluaran seunit atau *unit cost*. Penurunan *unit cost* ini setentunya dapat pula membantu peningkatan daya saing antarabangsa ataupun *international competitiveness*. Dengan demikian, keluaran industri ini akan dapat menembusi pasaran eksport, ini adalah sesuai dengan penekanan yang ketiga kementerian ini.

Penekanan ketiga ialah eksport. Apa yang penting ialah pengusaha tidak boleh bergantung pada pasaran domestik kita yang kecil, malah terpaksa menerokai pasaran eksport demi menjamin peluang pertumbuhan perniagaan dan pertumbuhan KDNK yang berterusan. Ini selaras juga lagi dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa di Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan

Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang lalu.

Merujuk Brunei Darussalam *Statistical Year Book* 2014 terbitan Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) Jabatan Perdana Menteri, ketika ini eksport negara adalah 61.9 peratus KDNK. Jika ekonomi minyak dan gas dikecualikan daripada perkiraan, maka eksport negara hanyalah 12.4 peratus KDNK. Dibandingkan eksport bagi negara-negara Singapura, Hong Kong dan Luxemborg, negara-negara ini bersaiz lebih kecil tetapi mempunyai saiz ekonomi yang lebih besar daripada kita. Jika diperhatikan ternyata eksport masing-masing adalah sekitar 200 peratus KDNK. Ini bererti bagi ekonomi kita yang bersaiz kecil ini, penekanan keluaran dan penjualan industri kita mestilah juga menembusi pasaran eksport demi untuk menjamin pertumbuhan KDNK dan peluang pekerjaan yang berterusan.

Dan bagi penekanan keempat, iaitu berdaya tahan atau *sustainable*, ia mempunyai skop yang sangat luas. Bagaimanapun, antara skop yang ditekankan oleh kementerian ini ialah untuk memastikan bahawa dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri ini, sebarang usaha akan dilakukan untuk mengurangkan pergantungan pada perbelanjaan kerajaan. Kaedah-kaedah seperti *private public partnership*, pelaburan langsung asing (*FDI*) dan lain-lain kaedah yang sesuai dan *cost effective* akan diterokai secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi. Adalah rasanya tidak lengkap jika kaola tidak menjelaskan apakah jenis-jenis industri yang akan Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tumpukan.

Untuk itu, sekali lagi kaola ingin memohon kebenaran bagi mengongsikan perkara ini, dengan harapan agar pihak swasta, pelabur-pelabur, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan termasuk juga dewan-dewan dan pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan perusahaan di negara ini, akan dapat merebut peluang-peluang yang insya-Allah akan pihak kaola ungkayahkan ini, semata-mata sebagai usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara ini khususnya dalam perekonomian berdasarkan pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan.

Khusus bagi perancangan 2016 hingga 2020 industri yang akan kementerian ini berikan tumpuan sepenuhnya ialah:-

1. Industri Ternakan Ayam Pedaging berskala besar menggunakan teknologi tinggi dan moden. Insya-Allah sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara \$300 - \$400 juta menjelang 2020 berbanding 110 juta pada tahun 2014;
2. Industri Sayur-Sayuran menggunakan teknologi tinggi seperti *vertical farming* dan *led lighting*. Sasaran untuk meningkatkan nilai

- keluaran industri ini antara \$150 juta ke \$200 juta menjelang 2020 berbanding \$33 juta pada tahun 2014;
3. Industri Bunga Keratan (*cut flowers*) menggunakan teknologi tinggi seperti *led lighting*, *black screen* dan *high tech green house*. Sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara \$40 juta ke \$60 juta menjelang 2020 berbanding hanya \$0.2 juta pada tahun 2014;
 4. Industri Agrimakanan, iaitu dengan menumpukan kepada industri pemprosesan produk-produk berasaskan daging seperti sosej, *cold cast* dan lain-lain. Sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara \$200 juta ke \$250 juta menjelang 2020 berbanding \$102 juta pada tahun 2014;
 5. Industri Perikanan. Tumpuan adalah akuakultur perikanan (penternakan ikan luar pantai) (*off shore fish culture*), dan penternakan udang (*in-land shrimp culture*) dan industri pemprosesan dan industri dukungan yang berkaitan. Insya-Allah sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara melebihi \$200 juta ke \$300 juta menjelang 2020;
 6. Industri Perhutanan, kementerian ini sedang meneliti perancangan untuk memacu pertumbuhan industri hiliran (*down stream*) dan juga industri *non-timber forest products*.
- Untuk makluman umum memandangkan saiz ekonomi kita kecil ketika ini, maka sebahagian besar daripada pertumbuhan yang dinyatakan tadi disasarkan kepada pasaran antarabangsa ataupun eksport. Banyak lagi aktiviti industri yang akan diteliti dari semasa ke semasa mengikut kesesuaianya untuk dilaksanakan secara skala besar menggunakan teknologi terkini dan yang ada potensi untuk di tingkatkan keluarannya bukan sahaja bagi menjana petumbuhan KDNK, bahkan jika boleh bagi tujuan mengurangkan eksport; dan
7. Industri Pelancongan, kementerian ini akan melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan produk-produk pelancongan di negara ini yang dibahagikan kepada:-
 - i. Produk-produk utama atau *primary products* iaitu Taman Negara Ulu Temburong dan Batang Duri;
 - ii. Bandar Seri Begawan meliputi Masjid Sultan 'Omar Ali Saifuddien dan Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Muzium-muzium, *Royal Regalia*, Bangunan Lapau, Istana Darussalam dan Istana Nurul Iman, Pasar Malam dan lain-lain;
 - iii. Kampung Air meliputi persekitaran Kampung Air, Galeri Kebudayaan Kampung Air, Jong Batu, Pulau Selirong, *proboscis monkeys* dan lain-lain. Produk-

produk ini memang sudah terkenal sebagai destinasi utama pelancong-pelancong dari luar negara ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan dibuat bersama *stakeholders* berkenaan untuk mengukuhkan lagi daya tarikan produk-produk ini dengan memberi penekanan kepada ciri-ciri keselamatan, keselesaan, kepelbagaian aktiviti dan ciri-ciri perkhidmatan atau layanan yang diberikan kepada pengunjung-pengunjung; dan

- iv. Produk *emerging* iaitu, pantai-pantai seperti Pantai Serasa, Muara, Berakas, Seri Kenangan, Meragang dan Tungku.

Taman-taman rekreasi, hutan seperti Taman Rekreasi Sungai Basong, Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar dan Taman Peranginan Tasek Lama, Tasek Merimbun, Luagan Lalak dan lain-lain destinasi berpotensi seperti Tasek Merimbun dan Luagan Lalak.

Produk yang berupa aktiviti *diving*, *board watching*, *Islamic tourism*, *medical tourism*, *cruise tourism*, *education tourism*, *mice adventure*, *homestay*, *culture* dan *community base tourism*. Menyentuh peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi tahun 2016/2017, kaola seterusnya menjelaskan bahawa Perbelanjaan Tahunan yang disokong adalah sebanyak \$57,144,550.00.

Sebanyak \$33,468,420.00 adalah bagi bayaran Gaji Kakitangan, sebanyak \$17,299,330.00 adalah bagi Perbelanjaan Tahunan yang Berulang-Ulang dan sebanyak \$6,456,800.00 adalah bayaran Perbelanjaan Khas.

Menyentuh fokus belanjawan kementerian ini bagi tahun 2016/2017 di bawah Perbelanjaan Tahunan bayaran Perbelanjaan Khas dengan peruntukan yang disokong sebanyak \$6,456,800.00. Sebahagian besarnya akan digunakan untuk projek penanaman padi dan akan melibatkan kerja-kerja membangunkan infrastruktur parit dan pengairan pada beberapa kawasan penanaman padi, pembelian bahan *import*, jentera dan mesin. Ini bertujuan meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi. Peruntukan ini juga digunakan untuk skim pembelian semula hasil padi tempatan.

Projek pelancongan akan melibatkan projek-projek:-

1. Meningkatkan dan memperkembangkan produk-produk pelancongan supaya akan lebih menarik dan unik kepada pelancong dalam dan luar negara. Keutamaan masa kini akan diberikan pada produk-produk *primary* iaitu Ulu-ulu Temburong, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air;
2. Projek promosi dan pemasaran pelancongan dengan memfokus kepada penggunaan teknologi info-komunikasi *ICT* seperti *mobile app*,

- laman sesawang, website dan lain-lain; dan
3. Menaik taraf galeri kebudayaan dan pelancongan Kampung Air. Dengan terlaksananya projek ini nanti ia akan memberikan tambah nilai kepada persekitaran Kampung Air sebagai salah satu produk utama atau *primary* produk pelancongan negara ini.

Pihak kaola insya-Allah akan bersedia untuk berfikiran terbuka terhadap projek-projek yang telah dirancang untuk tahun kewangan ini. Sebagai contoh jika terdapat keperluan untuk melaksanakan projek-projek ini secara *PPP*, maka pihak kaola saya akan membuat perundingan dan penyelarasan lanjut dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk sama-sama menilai kesesuaianya.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan hala tuju kementerian ini iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapan kepada Yang Berhormat Pengerusi diatas peluang yang diberikan ini. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar ucapan pendahuluan daripada Yang Berhormat Menteri

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengenai dengan belanjawan kementeriannya. Sebelum saya membuka perbahasan mengenai dengan tajuk ini, saya ingin mengingatkan sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik terutamanya, untuk memberikan fokus terhadap soalan-soalan itu kepada perbelanjaan atau belanjawan yang kita hadapi ini.

Saya telah difahamkan bahawa sebelum ini Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun diberi taklimat oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan banyak pertanyaan juga telah pun ditimbulkan dan dijawab. Untuk mengelakkan kita berjawab-jawaban pada bukan tempatnya, maka ada baiknya kalau sekiranya perkara-perkara yang perlu kita selesaikan ini iaitu belanjawan, kita tumpukan perhatian kita kepada belanjawan ini. Adalah kurang berpatutan bagi kita mengeluarkan setiap kementerian ataupun menteri mengeluarkan banyak maklumat di khalayak ramai.

Sungguhpun maklumat-maklumat ini barangkali tidaklah begitu sensitif, tetapi saya khuatir sejahtera mana kita boleh mengeluarkan maklumat-maklumat seperti ini kepada khalayak ramai. Mesyuarat kita mesyuarat terbuka, jadi dengan itu saya kira adalah lebih berhemah bagi kita untuk berbincang sesama sendiri sekiranya ada keperluan Ahli-ahli Yang Berhormat menjumpai menteri-menteri yang berkenaan di tempatnya sendiri dan dihadapi oleh pegawai-pegawai yang

berkenaan supaya perbincangan dengan lebih teliti akan dapat dibuat dan kita tidaklah menunggu setiap tahun untuk bertanya kepada mereka.

Pada ketika ini kita sedang membincangkan mengenai belanjawan. Saya kira lebih berpatutan kalau perhatian kita fokuskan kepada belanjawan yang berkenaan. Nampaknya sejauh ini yang saya lihat tidak banyak soalan itu bertumpu kepada belanjawan yang kita hadapi.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya kira saya suka untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita beralih balik ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan demikian, saya tangguhkan persidangan ini dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 bersamaan 14 Mac 2016 seperti biasa pukul 9.00 pagi. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)